



# SISTEM PERUNDANGAN AMERIKA SYARIKAT:

## Keterangan Pendek

Pusat Kehakiman Persekutuan

### Latar Belakang

Perlembagaan Amerika Syarikat memperuntukkan sistem kerajaan persekutuan. Perlembagaan itu memberikan kuasa yang khusus kepada kerajaan persekutuan (negara). Semua kuasa yang tidak diberi kepada kerajaan persekutuan kekal dengan negeri. Setiap dari 50 negeri itu mempunyai perlembagaan negeri, struktur kerajaan, kod undang-undang, dan kehakimannya sendiri.

Perlembagaan Amerika Syarikat memperuntukkan cabang kehakiman kerajaan persekutuan serta menentukan bidang kuasa mahkamah persekutuan. Mahkamah persekutuan mempunyai kuasa kehakiman ke atas jenis kes-kes yang tertentu sahaja, contohnya kes-kes yang melibatkan undang-undang persekutuan, pertikaian antara negeri, dan kes-kes yang melibatkan kerajaan asing. Di dalam bidang lain yang tertentu, mahkamah persekutuan berkongsi kuasa kehakiman dengan mahkamah negeri. Contohnya, kedua-dua mahkamah persekutuan dan mahkamah negeri boleh menghakimi kes-kes yang melibatkan pihak yang tinggal di negeri yang berlainan. Mahkamah persekutuan mempunyai kuasa kehakiman yang eksklusif ke atas sebilangan besar kes.


Pihak mempunyai hak untuk perbicaraan dengan juri di dalam semua kes jenayah dan kebanyakan kes sivil. Juri biasanya terdiri dari satu panel yang dianggotai oleh dua belas warganegara yang mendengar keterangan dan menerapkan undang-undang yang

dinyatakan oleh hakim untuk mencapai keputusan berdasarkan fakta-fakta seperti yang ditentukan oleh juri dari keterangan semasa perbicaraan. Walau bagaimanapun, kebanyakan pertikaian perundangan di Amerika Syarikat diselesaikan sebelum kes itu sampai ke juri. Ianya diselesaikan dengan usul undang-undang atau penyelesaian, bukan dengan perbicaraan.

### Struktur Sistem Mahkamah Persekutuan

Perlembagaan Amerika Syarikat memperuntukkan Mahkamah Agung Amerika Syarikat dan memberikan Kongres kuasa untuk menubuhkan mahkamah rendah persekutuan. Kongres telah menubuhkan dua aras mahkamah persekutuan di bawah Mahkamah Agung. Mahkamah Daerah Amerika Syarikat dan Mahkamah Litar Rayuan Amerika Syarikat.

Mahkamah Daerah Amerika Syarikat adalah mahkamah peringkat pertama di dalam sistem persekutuan. Terdapat 94 mahkamah daerah seperti ini di seluruh negara. Sekurang-kurangnya satu mahkamah daerah ditempatkan di setiap negeri. Hakim daerah mendengar kes secara individu. Selain hakim daerah, hakim kemuflihan (yang



mendengar kes-kes kemuflihan sahaja) dan hakim magistret (yang melakukan banyak tugas kehakiman di bawah penyeliaan hakim daerah) juga ditempatkan dalam mahkamah daerah. Mahkamah Litar Rayuan Amerika Syarikat berada pada peringkat seterusnya. Terdapat 12 mahkamah rayuan peringkat

pertengahan jenis kawasan seperti ini yang ditempatkan di berbagai kawasan di dalam negara. Satu panel yang terdiri daripada tiga orang juri mendengar rayuan dari mahkamah daerah. Pihak dalam sesuatu kes boleh merayu sebagai haknya kepada

mahkamah litar rayuan (tetapi kerajaan tidak mempunyai hak untuk merayu di dalam kes jenayah jika keputusannya adalah "tidak bersalah".) Mahkamah litar jenis kawasan tersebut juga mendengar rayuan dari keputusan agensi pentadbiran persekutuan. Suatu mahkamah litar bukan jenis kawasan (Litar Persekutuan) mendengar rayuan di dalam kes khas seperti kes yang melibatkan undang-undang paten dan tuntutan terhadap kerajaan persekutuan.

Di peringkat teratas sistem mahkamah persekutuan adalah Mahkamah Agung Amerika Syarikat, yang terdiri daripada sembilan orang hakim yang bersidang bersama untuk mendengar kes. Mengikut budi bicaranya, Mahkamah Agung Amerika Syarikat boleh mendengar kes dari mahkamah litar rayuan persekutuan serta mahkamah negeri tertinggi jika rayuan itu melibatkan Perlembagaan Amerika Syarikat atau undang-undang persekutuan.

### Struktur Sistem Mahkamah Negeri

Struktur sistem mahkamah negeri adalah berlainan di antara negeri. Setiap sistem mahkamah negeri mempunyai ciri-ciri yang unik; akan tetapi, beberapa generalisasi boleh dibuat. Kebanyakan negeri menempatkan mahkamah yang mempunyai bidang kehakiman yang terhad di bawah pengerusian seorang hakim yang mendengar kes sivil dan jenayah yang kecil. Negeri juga mempunyai mahkamah perbicaraan bidang kehakiman am yang dipengerusi oleh seorang hakim. Mahkamah perbicaraan tersebut biasanya dikenali sebagai mahkamah litar atau mahkamah tinggi dan mendengar kes sivil dan jenayah yang besar. Sesetengah negeri mempunyai mahkamah khas yang hanya mendengar jenis kes yang tertentu seperti kes trafik atau undang-undang keluarga.

Semua negeri mempunyai mahkamah tertinggi, biasanya dikenali sebagai mahkamah agung negeri yang berfungsi sebagai mahkamah rayuan. Kebanyakan negeri juga mempunyai mahkamah rayuan pertengahan yang dikenali sebagai mahkamah rayuan yang mendengar rayuan dari mahkamah perbicaraan. Pihak dalam sesuatu kes umumnya mempunyai hak untuk merayu.

## Pentadbiran Mahkamah

Cabang kehakiman kerajaan persekutuan dan negeri terpisah dari cabang legislatif dan eksekutif. Untuk memastikan kebebasan kehakiman, cabang kehakiman kerajaan persekutuan dan negeri mengawal pentadbiran mahkamah. Pentadbiran mahkamah termasuk mengurus belanjawan mahkamah, menentu peraturan perbicaraan dan tatacara rayuan, meninjau perkara disiplin kehakiman, menawar program pendidikan lanjutan kepada hakim, dan mengkaji perilaku mahkamah.

Di dalam kehakiman persekutuan, Persidangan Kehakiman Amerika Syarikat, yang terdiri daripada 27 orang ahli (Ketua Hakim Amerika Syarikat dan 26 orang hakim dari setiap kawasan geografi Amerika Syarikat) mempunyai kewajipan pentadbiran menyeluruh kepada mahkamah dan mempunyai kuasa asas untuk membuat polisi berkenaan dengan operasi cabang kehakiman kerajaan. Persidangan Kehakiman dibantu oleh sebilangan besar jawatankuasa yang terdiri daripada hakim persekutuan (dan kadang-kadang hakim dan peguam mahkamah negeri juga) yang mengkaji bahagian sistem mahkamah persekutuan yang berlainan dan membuat pengesyoran. Suatu kewajipan penting Persidangan Kehakiman adalah untuk mengesyorkan perubahan di dalam peraturan tatacara yang digunakan oleh semua mahkamah persekutuan.

Kongres telah membentuk tiga agensi pentadbiran di dalam cabang kehakiman. Pejabat Pentadbiran Mahkamah Amerika Syarikat mengurus operasi seharian mahkamah, termasuk hal-hal seperti senarai gaji, peralatan, dan bekalan. Pusat Kehakiman Persekutuan mengendali program pendidikan dan latihan untuk hakim dan kakitangan mahkamah serta membuat kajian di dalam bidang operasi dan pentadbiran mahkamah. Suruhanjaya Penghukuman Amerika Syarikat menyediakan garis panduan nasihat untuk hakim persekutuan dalam menjatuhkan hukuman jenayah.

Di dalam kebanyakan sistem mahkamah negeri, mahkamah agung negeri mempunyai kuasa pentadbiran menyeluruh ke atas sistem mahkamah. Ia dibantu oleh

sebuah pejabat pentadbiran. Ketua kehakiman mahkamah agung negeri biasanya melantik pengarah pejabat pentadbiran mahkamah negeri.

## Hakim

Hakim Mahkamah Agung Amerika Syarikat serta hakim litar dan daerah dilantik oleh Presiden Amerika Syarikat jika diluluskan oleh undi majoriti Dewan Senat Amerika Syarikat. Hakim-hakim tersebut berkhidmat “selama berkelakuan baik” – dalam kata lain, untuk tempoh hayat. Presiden biasanya menamakan orang sebagai hakim yang merupakan ahli parti politik mereka sendiri. Orang yang dilantik biasanya merupakan peguam tokoh, professor undang-undang, hakim mahkamah rendah persekutuan atau mahkamah negeri. Apabila hakim-hakim tersebut dilantik gaji mereka tidak boleh dikurangkan. Hakim persekutuan hanya boleh dimansuhkan dari jawatan melalui proses pemecatan dalam mana tuduhan dibuat oleh Dewan Rakyat dan perbicaraan dijalankan oleh Rumah Senat. Sepanjang sejarah Amerika Syarikat, hanya beberapa orang hakim saja yang telah dipecat dan mereka yang dimansuhkan telah didapati melakukan salah laku yang berat. Perlindungan tersebut membolehkan hakim persekutuan menggunakan penghakiman yang bebas tanpa gangguan atau pengaruh politik atau luaran.

Kaedah memilih hakim negeri berbeza di antara negeri dan sering berlainan di dalam sesuatu negeri, bergantung kepada jenis mahkamah. Sistem pemilihan yang paling umum adalah melalui penamaan suruhanjaya dan pilihan raya awam. Dalam sistem penamaan suruhanjaya, hakim dilantik oleh gabenor (ketua eksekutif negeri) yang mesti memilih dari satu senarai calon yang dipilih oleh satu suruhanjaya bebas yang terdiri daripada peguam, ahli perundangan, rakyat biasa, dan kadang-kadang hakim. Di kebanyakan negeri hakim dipilih melalui pilihan raya awam. Pilihan raya tersebut boleh jadi partisan atau bukan partisan. Calon untuk perlantikan atau pilihan raya kehakiman mesti memenuhi kelayakan tertentu, contohnya merupakan peguam mengamal untuk sebilangan tahun yang tertentu. Pada umumnya, hakim negeri berkhidmat untuk penggal tertentu dan boleh dibaharu. Semua negeri mempunyai tatacara yang mentadbir perilaku, disiplin dan pemansuhan kehakiman.

Di dalam kedua-dua sistem persekutuan dan negeri, calon kehakiman hampir selalunya merupakan peguam yang mempunyai pengalaman selama bertahun-tahun. Tidak terdapat kursus latihan tertentu untuk hakim dan tiada peperiksaan. Sesetengah negeri mewajibkan hakim menghadiri program pendidikan lanjutan untuk mempelajari mengenai perkembangan undang-undang. Kedua-dua sistem mahkamah persekutuan dan negeri menawarkan program pendidikan awal dan lanjutan kepada hakim.

### Pendakwa

Pendakwa di dalam sistem persekutuan adalah sebahagian dari Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat dalam cabang eksekutif. Peguam Negara Amerika Syarikat, yang mengetuai Jabatan Kehakiman, adalah dilantik oleh Presiden dengan pengesahan Rumah Senat. Ketua pendakwa dalam daerah mahkamah persekutuan dikenali sebagai Peguam Amerika Syarikat dan juga dilantik oleh Presiden dengan pengesahan Rumah Senat. Dalam Jabatan Kehakiman terdapat Biro Penyiasatan Persekutuan yang menyiasat jenayah terhadap Amerika Syarikat.

Setiap negeri juga mempunyai seorang peguam besar di dalam cabang eksekutif negeri yang biasanya dipilih oleh warga negeri itu. Terdapat juga pendakwa di kawasan negeri yang berlainan, yang dikenali sebagai peguam negeri atau peguam daerah. Pendakwa-pendakwa tersebut juga biasanya dipilih.

### Peguam

Sistem Perundangan Amerika Syarikat menggunakan proses pertentangan. Peguam adalah penting untuk proses ini. Peguam bertanggungjawab untuk membentangi bukti dan hujah pelanggan mereka menurut undang-undang kepada mahkamah. Berdasarkan pembentangan peguam, hakim perbicaraan atau juri menentukan fakta-fakta itu dan menerapkan undang-undang untuk mencapai keputusan sebelum memberi penghukuman.

Individu bebas mewakili diri sendiri di dalam mahkamah Amerika, tetapi peguam sering diperlukan untuk membentangi kes dengan berkesan. Seseorang individu yang tidak mampu mengupah peguam mungkin cuba mendapatkannya melalui persatuan bantuan undang-undang tempatan. Orang yang dituduh dengan jenayah yang tidak mampu mengupah peguam adalah diwakili oleh peguam lantikan mahkamah atau oleh pejabat belaan awam persekutuan atau negeri.

Peguam Amerika dilesen oleh negeri individu dalam mana mereka mengamalkan undang-undang. Tidak terdapat pihak berkuasa kebangsaan yang melesen peguam. Kebanyakan negeri mewajibkan pemohon mempunyai ijazah undang-undang (Ijazah Sarjana) dari sekolah undang-undang yang bertauliah. Ijazah undang-undang Amerika adalah satu ijazah lepas ijazah yang dihadiahkan pada akhir kursus pembelajaran tiga tahun. (Biasanya individu melengkapkan empat tahun maktab/universiti sebelum memasuki sekolah undang-undang). Tambahan juga, kebanyakan negeri mewajibkan pemohon lesen untuk mengamalkan undang-undang lulus satu peperiksaan peguam bertulis dan memenuhi piawaian watak tertentu. Sesetengah negeri mengizinkan peguam menjadi ahli badan peguam berdasarkan keahlian dalam badan peguam negeri yang lain. Semua negeri membenarkan peguam dari negeri lain mengamalkan di negeri itu untuk kes tertentu dalam keadaan tertentu. Peguam boleh berkhidmat dalam sebarang jenis pengamalan. Walaupun tidak terdapat perbezaan rasmi di antara jenis pengamalan undang-undang, terdapat banyak pengkhususan tak rasmi.